

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENGURUSAN  
KEWANGAN MASJID:  
KAJIAN DIDAERAH  
RANAU, SABAB**

**SUHAILIN BIN LAJIMIN**

Tesis yang dikemukakan  
bagi memenuhi keperluan ijazah untuk  
**Sarjana**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Februari 2020**

## ABSTRAK

Masjid merupakan sebuah tempat yang amat suci dan merupakan pusat ibadah bagi umat Islam. Di samping itu ia turut dituntut untuk memperkasakan pengurusan kewangan masjid bagi melaksanakan pelbagai aktiviti atau program mengimarahkannya. Maka kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji pengurusan kewangan masjid di daerah Ranau, Sabah. Objektif kajian ini iaitu bagi menjelaskan pengamalan pengurusan perekodan dan pelaporan kewangan masjid, mengenal pasti sumber pendapatan dan perbelanjaan kewangan masjid, dan menganalisis kawalan kualiti kewangan melalui proses audit kewangan masjid di daerah Ranau, Sabah. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah perpustakaan dan carian internet google scholar, researchgate dan lain-lain lagi digunakan bagi mendapatkan data sekunder berkaitan dengan pengurusan kewangan masjid. Seterusnya kajian lapangan menggunakan metode temu bual bagi mendapatkan data primer daripada 14 orang responden iaitu tujuh orang pengerusi masjid dan tujuh orang bendahari masjid yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan masjid. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Kajian ini menggunakan Teori Penganggaran Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Model Pengurusan Kewangan Sektor Awam (PKSA). Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan kaedah kajian temu bual manakala reka bentuk kajian ialah kajian kes berbilang dan menggunakan persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengamalan pengurusan kewangan masjid dari aspek perekodan dan pelaporan di daerah Ranau, Sabah hanya melibatkan pengerusi dan bendahari sahaja. Sumber pendapatan masjid antara RM20.00 hingga RM2000 seminggu, RM80.00 hingga RM8000.00 sebulan dan RM960.00 hingga RM96000.00 setahun daripada hasil derma, sedekah, sumbangan orang perseorangan, kerajaan, NGO, wakil rakyat dan sewaan. Manakala perbelanjaan kewangan masjid antara RM0.00 hingga RM 100.00 seminggu, RM0.00 hingga RM 1300.00 sebulan dan RM 1000.00 hingga RM20,000.00 setahun bagi perbelanjaan bayaran bil elektrik dan air, pelaksanaan aktiviti-aktiviti masjid, saguhati pekerja, sumbangan kepada penduduk, penyelenggaraan, baikpulih dan menggantikan peralatan masjid yang rosak. Bagi kawalan kualiti melalui proses audit kewangan menunjukkan audit kewangan tidak dilaksanakan namun demikian majoriti masjid melaksanakan audit dalam bagi pelaporan kepada JHEAINS Ranau, Sabah. Hasil kajian ini dapat memberikan panduan kepada ahli jawatankuasa masjid atau pembuat dasar seperti Jabatan Agama Islam Negeri bagi merangka beberapa garis panduan yang boleh membantu pihak pengurusan masjid untuk mempertingkatkan keupayaan pengurusan kewangan masjid.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah saya ucapkan setinggi-tinggi penuh syukur kepada Allah SWT dan ucapan selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW kerana diberikan semangat, kekuatan dan panduan serta diberikan anugerah kesihatan, keafiatan dan pemikiran yang sentiasa positif dalam menyelesaikan tesis ini. Seterusnya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Saimi Bujang selaku penyelia yang telah ban yak menolong, membantu, memberi tunjuk ajar, menegur, menasihati, memberikan ide yang banyak dan bersungguh-sungguh membimbing agar tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Ucapan jutaan terima kasih juga kepada kedua orang tua yang amat dikasihi, isteri tersayang Shamsiah Taha, anak-anak yang dikasihi Syariful Hadi, Faeizul Asyran, Ateena Khaireen, Nayyira Zunaira dan Rayyan Muzayyan kerana menjadi pendorong dan penguat semangat untuk menamatkan tesis Sarjana ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan sejawat yang banyak memberikan tunjuk ajar terutama Dr. Losios Goliong, Dr. Musirin, En Moktar, En Macelus Johny, Ustaz Azron Jaafar dan semuanya atas bantuan moral yang telah diberikan.

Begitu juga dengan para sahabat di Fakulti ACIS UiTM Shah Alam, Selangor Darul Ehsan kerana memberikan pujian dan sokongan yang berterusan khususnya kepada PM Dr Mohd Dani, PM Dr. Asri dan semua pensyarah dan sahabat yang sedang belajar di fakulti ini yang amat saya dihormati dan sanjungi semuanya. Begitu juga dengan sahabat-sahabat dan saudara mara di daerah Ranau, juga kepada pengerusi dan bendahari masjid yang terlibat dalam kajian ini kerana telah memberikan kerjasama yang amat padu sehingga ke akhir penulisan tesis ini.

Akhirnya, saya ucapkan jutaan terima dan penuh penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dan hanya Allah SWT yang akan membalas pertolongan anda semuanya.

*Sekian, terima kasih.*

# ISI KANDUNGAN

**PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA**

**DEKLARASI PENULIS**

**ABSTRAK**

**PENGHARGAAN**

**ISI KANDUNGAN**

**SENARAI JADUAL**

**SENARAI RAJAH**

**KAEDAH TRANSLITERASI**

**SENARAI SINGKATAN**

## **BABSATU: PENDAHULUAN**

- 1.1 Latar Belakang Kajian
- 1.2 Pernyataan Masalah
- 1.3 Persoalan Kajian
- 1.4 Objektif Kajian
- 1.5 Sumbangan Kajian
  - 1.5.1 Teori
  - 1.5.2 Metodologi
  - 1.5.3 Praktikal
- 1.6 Skop dan Batasan Kajian
- 1.7 Teori Pengurusan Kewangan
  - 1.7.1 Teori Penganggaran Pusat Tanggungjawab (PTj)
  - 1.7.2 Model Pengurusan Kewangan Sektor Awam (PKSA)
- 1.8 Struktur Kajian

## **BAB DUA: INSTITUSI MASJID DI DAERAH RANAU**

- 2.1 Pendahuluan
- 2.2 Definisi Masjid
  - 2.2.1 Pengertian Masjid

- 2.2.2 Masjid Menurut Al-Quran dan As-Sunnah
- 2.3 Sejarah Perkembangan Masjid
  - 2.3.1 Masjidil al-Haram di Mekah al-Mukarramah
  - 2.3.2 Masjid al-Aqsa di Palestin
  - 2.3.3 Masjid Quba dan Masjid Nabawi
  - 2.3.4 Masjid Pada Zaman Sahabat
- 2.4 Peranan Institusi Masjid
- 2.5 Masjid di Sabah
  - 2.5.1 Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)
  - 2.5.2 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
  - 2.5.3 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah
- 2.6 Masjid di Daerah Ranau
  - 2.6.1 Latar Belakang Daerah Ranau
  - 2.6.2 Masjid dan Surau di Daerah Ranau
- 2.7 Program Pengimarahannya Masjid dan Surau di Daerah Ranau
  - 2.7.1 Tahunan
  - 2.7.2 Mingguan
  - 2.7.3 Aktiviti Secara Berkala
- 2.8 Pengurusan Kewangan Masjid
  - 2.8.1 Pada Zaman Nabi dan Sahabat, Pengurusan Kewangan Masjid Zaman Sahabat dan Kerajaan Islam
  - 2.8.2 Pengurusan Kewangan Masjid Di Malaysia
- 2.8 Penutup

## **BAB TIGA: TEORI PENGURUSAN KEWANGAN MASJID**

- 3.1 Pendahuluan
- 3.2 Teori Penganggaran Pusat Tanggungjawab (PTj)
  - 3.2.1 DefinisiPTj
  - 3.2.2 PrinsipPTj
  - 3.2.3 Kepentingan dan Kebaikan PTj
  - 3.2.4 KelemahanPTj
  - 3.2.5 Garis Panduan Melaksanakan PTj
  - 3.2.6 Pengoperasian PTj
- 3.3 Model Pengurusan Kewangan Sektor Awam (PKSA)